

Submission date: 07/06/2018

Accepted date: 28/08/2018

**HISBAH DAN KEPENTINGANNYA DALAM RUNDING CARA PERKAHWINAN*****Hisbah and Its Importance in Marriage Consultations***Nurul Hanis Sufia Othman, Noornajihan Jaafar & Ahmad Kamel Mohamed  
Universiti Sains Islam Malaysia

hanis.sufia92@gmail.com

**Abstrak**

*Hisbah* merupakan sebuah konsep yang menekankan tentang *amar ma'ruf nahi munkar* dan menjadikan ia penting dalam kehidupan muslim yang mengharap syurga sebagai ganjaran mentaati Allah SWT. Pada masa kini, peningkatan kes perceraian dan cara untuk mengurangkannya melalui runding cara perkahwinan merupakan isu yang hangat diperkatakan dan merupakan pernyataan masalah kepada kajian ini. Justeru, objektif kajian ini dilakukan ialah untuk menggali isu-isu berkaitan perceraian, meneliti definisi dan konsep *hisbah*, dan membincangkan kepentingan melaksanakan *hisbah* dalam runding cara perkahwinan. Metod kajian ini menggunakan kaedah deskriptif dan analisis kandungan. Kajian ini mendapati bahawa konsep *hisbah* yang dibawa oleh Imam al-Ghazali sangat praktikal untuk diaplikasikan dalam runding cara perkahwinan. Melalui kajian ini diharapkan konsep *hisbah* menjadi keutamaan dalam sesi runding cara perkahwinan kerana konsep ini sangat baik bagi menghasilkan muslim yang sentiasa berwaspada dalam setiap tindakan yang dilakukan. Kajian ini juga dapat memberikan impak dalam meningkatkan lagi kualiti runding cara dalam kalangan pegawai yang dilantik agar statistik perceraian dapat dikurangkan.

Kata kunci: *hisbah*, *sunnah*, runding cara perkahwinan, pegawai runding cara.**Abstract**

*Hisbah* is a concept that emphasizes on *amar ma'ruf nahi munkar*, which is an important aspect in the life of a Muslim who hopes for heaven as a reward of obeying Allah SWT. Currently, the increment of divorce cases and how to decrease it through marriage consultation is now a trending issue and the problem statement raised in this research related to this matter. As a result, the objective of this study is to determine the issues regarding divorce, to ponder on the definition and concept of *hisbah* and to discuss the importance of *hisbah* in marriage consultations sessions. This study employs the use of descriptive method and content analysis to achieve its objective. The findings of the study show that the concept of *hisbah* as brought by Imam al-Ghazali is very practical to be implemented in marriage consultations. Therefore, it is hoped that the concept of *hisbah* will be a priority in the marriage consultations session, as it is seen as a tool to produce good Muslims who would be constantly cautious in every of his/her action. This study is important due to its impact on improving the quality of consultation among appointed officers in order to reduce the divorce statistics.

Keywords: *hisbah*, *sunnah*, marriage consultation, consultation officer.

## PENDAHULUAN

Setiap pasangan yang mendirikan rumah tangga pastinya tidak mahu perhubungan yang mulanya terjalin indah namun berakhir dengan sebuah perceraian. Walau bagaimanapun, adakalanya panas yang disangka hingga ke petang namun hujan pula di tengahari. Dalam situasi ini, Islam sebagai agama yang syumul menetapkan hukum harus untuk bercerai sekiranya tiada lagi jalan damai yang boleh di ambil. Allah SWT berfirman dalam al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat 227:

وَإِنْ عَزَمُوا الطَّلَاقَ فَإِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya:

Dan jika mereka berazam hendak menjatuhkan talak (menceraikan isteri), maka sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

(Abdullah Muhammad Basmeih, 1980)

Hal ini diperkukuhkan dengan kisah dari sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab sohehnya.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، أَنَّ امْرَأَةً، ثَابِتِ بْنِ قَيْسٍ أَتَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ ثَابِتُ بْنُ قَيْسٍ مَا أَعْتَبُ عَلَيْهِ فِي خُلُقٍ وَلَا دِينٍ، وَلَكِنِّي أَكْرَهُ الْكُفْرَ فِي الْإِسْلَامِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " أَتُرَدِّينَ عَلَيْهِ حَدِيثَهُ ". قَالَتْ نَعَمْ. قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " أَقْبَلِ الْحَدِيثَ وَطَلَّقْهَا تَطْلِيقَةً ".

(Imam Bukhari, Kitab Talak, No. 5273)

Daripada Ibnu 'Abbas RA; Isteri kepada Tsabit bin Qais telah datang kepada Nabi SAW dan berkata; "Ya Rasulullah, aku ingin meminta cerai dari Tsabit (suamiku) bukan kerana aku mencela agamanya dan akhlaknya, akan tetapi aku bimbang menjadi kufur (ingkar) (iaitu kufur dalam pengertian ingkar hak/kewajipan terhadap suami atau memilih untuk kufur (murtad) supaya terfasakhnya nikah)". Lalu Rasulullah SAW berkata kepadanya; "Sanggupkah kamu mengembalikan tanah kebun (yang ia berikan kepadamu sebagai mas kawin ketika perkahwinan kamu dulu)?" Ia menjawab; "Ya, aku sanggup". Ia pun mengembalikan tanah kebun itu. Rasulullah lalu berkata kepada Tsabit; "Terimalah kebun tersebut dan ceraikanlah dia".

Berdasarkan dalil-dalil di atas, jelaslah bahawa perceraian merupakan sesuatu yang harus. Walau bagaimanapun, sebelum membuat keputusan untuk bercerai, pasangan suami isteri digalakkan untuk menghadiri sesi runding cara di pejabat agama daerah yang terdekat bersama pegawai runding cara yang akan menjadi pendamai antara mereka. Dalam sesi inilah pelaksanaan *hisbah* dilihat sebagai satu konsep *amar ma'ruf nahi munkar* yang relevan untuk dipraktikkan. Pegawai yang terlibat akan membawa pasangan suami isteri kepada satu titik pertemuan untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Elemen-elemen *hisbah* akan diterapkan bersesuaian dengan masalah yang dihadapi, menggali punca permasalahan dan bergerak ke arah penyelesaian serta mencegah daripada berlakunya perceraian.

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk membincangkan takrif dan konsep *hisbah* serta mengaitkannya dengan kepentingan melaksanakannya dalam runding cara perkahwinan yang

terdapat di pejabat agama daerah di setiap negeri di Malaysia. Selain daripada itu, isu-isu berkaitan perceraian turut dibincangkan seperti punca berlakunya perpisahan. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan metodologi kajian berbentuk analisis kandungan untuk mencapai objektif.

## **SOROTAN LITERATUR**

Daripada sorotan kajian lepas, banyak kajian yang telah dijalankan berkenaan perceraian, *hisbah* dan juga runding cara perkahwinan.

Kajian-kajian lepas yang berkaitan perceraian ialah seperti kajian Hj Zulkarnain Yusoff et al. (2006) perceraian di Kelantan, Nurul Fadlilah (2013) faktor-faktor penyebab perceraian, Roslelawati Abdullah dan Nordin Hussin (2014) perceraian di Terengganu, Abe Sohpihan Abdul Rahman et al. (2014) perceraian di Sarawak, Mariam Abd. Majid dan Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin (2017) perceraian di Selangor.

Selain itu, antara kajian yang telah dijalankan di unit runding cara di pejabat agama ialah tentang nilai-nilai Islam, solat and konflik rumah tangga (Nur Dalilah Zakaria and Raihanah Azahari, 2013), peranan pegawai runding cara (Zainab Ismail, 2006; Norhayati Ahmad et al. 2008; Norhayati Md Salleh, 2013).

Seterusnya, kajian-kajian yang berkenaan dengan *hisbah* pula seperti berkaitan dengan elemen-elemen dalam *hisbah* (Mohd Ab Malek Md Shah et al., 2017), cabaran-cabaran yang dihadapi muhtasib (Muhammad Syahir Abu Bakar et al., 2016), kepentingan *hisbah* (Azrin Ibrahim, 2017), konsep *hisbah* (Abdul Qahhar Ibrahim, 2017), peranan *hisbah* dalam ekonomi (Zaidah Kusumawati, 2015; Zulfaqar Mamat, 2016).

## **ISU-ISU PERCERAIAN**

Menurut Zainab Ismail et al. (2014), peningkatan perceraian dalam kalangan pasangan suami isteri terutamanya yang tinggal di kawasan bandar amat meruncing saban tahun. Menurut Randall Chirng (2016), keburukan mengalami tekanan ialah menyebabkan penyakit psikosomatik seperti gangguan jiwa dan sebagainya. Tekanan yang dihadapi sudah pasti menjadi salah satu kepada punca perceraian. Justeru, khidmat kaunseling berbentuk keagamaan merupakan satu sistem sokongan yang amat penting dan diperlukan bagi mengubat emosi dan rohani masyarakat.

Statistik peningkatan perceraian ini dibuktikan dengan laporan akhbar Berita Harian (2016). Tiga negeri yang berada di carta teratas kes perceraian ialah Selangor 30,901, negeri kedua ialah Sabah sebanyak 22,331 dan Johor 16,718. ini merupakan statistic yang tercatat bagi tahun 2014 hingga Julai 2016. Datuk Azizah Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengatakan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mencatat 59,712 kes pada tahun 2014; 63,463 pada tahun 2015; dan 48,077 kes perceraian pada tahun 2016. Beliau juga mengatakan usia perkahwinan yang singkat iaitu di bawah lima tahun mencatatkan rekod perceraian yang paling banyak.

Menurut Abe Sohpihan et al. (2014) pula, usia pasangan suami isteri yang masih muda menjadi faktor perceraian kerana golongan yang berusia 27 hingga 37 tahun merupakan golongan yang paling tinggi mendaftar perceraian. Hal ini terjadi disebabkan usia yang belum matang dan pengawalan emosi yang tidak seimbang yang membawa mereka ke arah keputusan menamatkan hubungan dengan perpisahan. Cabaran, *mehnah* dan tribulasi rumah tangga yang

dihadapi seperti masalah kewangan, isu anak, isu pekerjaan, merupakan antara punca keruntuhan rumah tangga ini.

Mahkamah Syariah Perlis pula merekodkan faktor utama keruntuhan rumah tangga ialah kerana tiadanya persefahaman antara pasangan suami isteri namun Raihanah Hj Abdullah (2001) berpendapat alasan ini tidak tepat kerana pasangan yang terlibat sebenarnya mempunyai sebab tersendiri. Antara penyebabnya ialah penderaan fizikal dan emosi, pengabaian tanggungjawab, konflik dan penganiayaan yang membawa kepada perceraian untuk keluar daripada kemelut yang melanda. Kajian yang dilakukan oleh Sabariah Baharum (1989) pula mendapati antara faktor yang membawa kepada perceraian ialah pengabaian tanggungjawab antara pasangan dan ini dikatakan sebagai punca utama isu ini berlaku. Walau bagaimanapun, dapat disimpulkan bahawa punca utama perceraian tidak boleh dipastikan dengan tepat kerana ianya berbeza mengikut individu dan masalah yang mereka hadapi.

### DEFINISI DAN RUKUN *HISBAH*

Menurut Mustapha Sidi Attahiru et al. (2016) institusi *hisbah* merupakan usaha yang kolektif bagi membantu komuniti Muslim bersesuaian dengan suruhan Allah SWT dalam Surah al-Maidah ayat Nombor 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya:

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.”  
(Abdullah Muhammad Basmeih, 1980)

Dari segi literal, menurut AW. Munawir (1984), *hisbah* bererti menghitung, berfikir, memberikan pandangan, dan sebagainya. Sementara itu, Muhammad Fuad Abd al-Baqi (1987) menyatakan perkataan *hisbah* itu sendiri bermakna ganjaran, pemeriksaan, dan melakukan sesuatu yang baik dengan penuh perhitungan.

Dari segi konseptual pula, Imam al-Mawardi (1989) mendefinisikan *hisbah* sebagai suruhan untuk mengerjakan *amar ma'ruf* ketika ianya terang-terangan ditinggalkan dan mencegah kemungkaran tatkala ia jelas dikerjakan. Maksud yang sama juga dikemukakan oleh Abu Ya'la Muhammad al-Husain al-Fara' (1994) dan Abdul Karim Zaidan (2011).

Selain daripada itu, Imam al-Ghazali (1980) dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* menyatakan *hisbah* adalah gambaran yang komprehensif dalam konsep menyuruh kebaikan dan mencegah perbuatan keji. Manakala Ibnu Bassam (1986) berpendapat *hisbah* ialah suruhan ke arah kebaikan dan tegahan melakukan kemungkaran untuk mendamaikan antara manusia. Secara spesifiknya, definisi inilah yang berkait rapat dengan kajian ini iaitu kepentingan melaksanakan *hisbah* dalam runding cara perkahwinan di mana ianya dipraktikkan bagi mendamaikan hubungan antara suami dengan isteri yang renggang lantaran masalah rumah tangga yang dihadapi.

Selain itu, terdapat rukun-rukun *hisbah* yang komprehensif di mana ianya dirangka khusus sebagai satu platform untuk melaksanakan *amar ma'ruf nahi munkar*. Rukun *hisbah* yang pertama ialah *muhtasib*. *Muhtasib* dalam runding cara perkahwinan ialah pegawai runding cara. Beliau bertindak sebagai pendamai iaitu individu yang memberikan nasihat ke arah

kesejahteraan suami isteri serta mencegah mereka sekiranya terdapat tindakan yang mereka lakukan di luar batasan syariat.

Sebagai seorang *muhtasib*, pegawai runding cara juga perlu meraikan faktor-faktor lain ketika menjadi pendengar iaitu memerhatikan tingkah laku klien bagi mendapatkan hasil yang optimum dalam bimbingan mereka. Ini selari dengan pandangan Taofeeq Hamzat Adebity et al. (2014). Menurutnya, tindak-tanduk lebih mudah difahami berbanding bahasa lisan.

Rukun *hisbah* yang kedua ialah *muhtasab 'alaih*. *Muhtasab 'alaih* dalam konteks runding cara perkahwinan ialah suami isteri yang menghadiri sesi berkenaan. Mereka merupakan individu yang menerima nasihat, teguran dan bimbingan daripada *muhtasib*. *Muhtasab 'alaih* dalam skop runding cara perkahwinan bukanlah pesalah atau penjenayah yang melakukan maksiat atau kemungkaran secara terang-terangan yang memerlukan pelaksanaan hudud atau *ta'zir*. Mereka ialah pasangan yang menghadapi masalah dalam perhubungan suami isteri yang adakalanya meninggalkan suruhan agama yang menyebabkan berlakunya ketidakharmonian dalam rumah tangga.

Seterusnya, rukun *hisbah* yang ketiga ialah *muhtasab fih*. *Muhtasab fih* ialah perkara yang menjadi perhitungan atau permasalahan yang menjadi fokus *muhtasib* untuk diselesaikan. Sebagai contoh, apabila si isteri mengadu kepada *muhtasib* bahawa suaminya tidak mengerjakan solat, tidak melaksanakan ibadah puasa atau tidak memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak, aspek inilah yang difokuskan bagi menyelesaikannya dengan memberikan nasihat beserta teguran supaya *muhtasab 'alaih* kembali kepada suruhan agama yang sebenar.

Rukun yang keempat atau rukun terakhir dalam *hisbah* ini ialah *ihtisab*. *Ihtisab* menurut Imam al-Ghazali (1980) mempunyai beberapa peringkat. Peringkat-peringkat tersebut ialah *ta'aruf*, melarang, pengajaran dan nasihat, memaki dan mengherdik, merubah dengan tangan, mengancam dengan pukulan, menjatuhkan pukulan dan melaksanakannya, menampakkan senjata dan yang terakhir melahirkan kekuatan dengan mengumpulkan tentera.

Walau bagaimanapun, dalam konteks runding cara perkahwinan, *ihtisab* merangkumi peringkat *ta'aruf* (pengenalan kepada masalah yang dihadapi), mendengar permasalahan yang dihadapi oleh klien, menasihati dan membimbing, melarang mereka sekiranya melakukan dosa terhadap Allah SWT dan kesalahan terhadap manusia sekeliling.

## **KEPENTINGAN HISBAH DALAM RUNDING CARA PERKAHWINAN**

Pentingnya konsep *hisbah* diterapkan dalam runding cara perkahwinan kerana terdapat enam elemen yang telah digariskan oleh Imam al-Ghazali (1998) iaitu *musyaratah*, *muraqabah*, *muaqabah*, *mujahadah*, *muatabah* dan *muhasabah*.

*Musyaratah* bermaksud seseorang menentukan azam dan matlamat yang ingin gapai dalam hidupnya (Imam al-Ghazali, 1998). Bagi pasangan suami isteri yang mendirikan rumah tangga, tentu sekali keazaman yang terpahat dalam diri mereka ialah mahu menjadi yang terbaik untuk pasangan dan ibu bapa yang mithali kepada anak-anak. Namun begitu, sesuai dengan peredaran masa, pastinya terdapat cabaran dan masalah yang menyapa kehidupan mereka baik dari segi ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Oleh itu, di sinilah terletaknya peranan pegawai runding cara untuk mengingatkan kembali kepada klien tentang matlamat asal yang wujud di awal perkahwinan mereka. Segala masalah dan tribulasi pasti dapat ditangani apabila azam dan matlamat diperbaharui supaya kehidupan kembali berseri.

Di samping itu, elemen yang seterusnya ialah *muraqabah* di mana ia membawa maksud kekuatan rohani yang mengawal diri bagi mendekati diri kepada Allah SWT (Imam al-Ghazali, 1998). Elemen ini wajib disentuh oleh pegawai runding cara kerana konsep *muraqabah* berkait rapat dengan rukun iman, rukun Islam serta ketaqwaan dalam diri seseorang. Punca kepada hilangnya keharmonian dalam rumah tangga sehingga membawa kepada keretakan ialah apabila suami atau isteri meninggalkan perkara wajib seperti solat. Solat merupakan tiang agama yang tidak dapat tidak perlu dilaksanakan. Apabila seseorang tidak menjaga hak-hak Allah SWT iaitu melunaskan rukun iman dan rukun Islam maka Allah SWT juga tidak akan menjaga hak-haknya.

Seterusnya ialah elemen *muqabah*. Elemen ini membawa maksud memberikan hukuman yang setimpal dengan kesalahan kerana tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan (Imam al-Ghazali, 1998). Mengapa perkara ini perlu diterapkan ke dalam diri klien oleh pegawai runding cara ialah kerana konsep menghukum diri menjadikan seseorang berhati-hati dan berwaspada dalam tindak-tanduknya. Hukuman bukan sesuatu yang negatif bahkan mendatangkan ganjaran pahala dengan melakukan amalan-amalan yang baik bagi menebus kesilapan. Antara hukuman yang boleh diamalkan oleh pasangan suami isteri ialah dengan berpuasa, solat malam, dan bersedekah apabila terdapat kelompongan dalam menguruskan hal rumah tangga seperti pengabaian nafkah oleh si suami.

Berikutnya ialah elemen *mujahadah* iaitu berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadi insan yang cemerlang dengan melakukan yang *ma'ruf* serta berusaha sedaya upaya meninggalkan segala bentuk kemungkaran (Imam al-Ghazali, 1998). *Mujahadah* ini sangat penting kerana apabila sudah sekian lama mendirikan rumah tangga, kehangatan cinta antara suami isteri kebiasaannya akan berkurangan. Justeru, usaha untuk menyuburkan perasaan kasih sayang kepada pasangan memerlukan *mujahadah* yang tinggi di mana ia perlu disusuli dengan tindakan-tindakan yang positif seperti memberikan hadiah, membantu meringankan beban kewangan, membantu menguruskan kerja-kerja rumah dan sebagainya.

Elemen seterusnya dalam *hisbah* yang perlu dititikberatkan oleh seorang pegawai runding cara kepada klien ialah elemen *muatabah*. Ia membawa maksud menyesal dan menempelak diri lantaran dosa-dosa yang telah dilakukan (Imam al-Ghazali, 1998). Apabila melakukan dosa terhadap Allah SWT dan juga dosa kepada manusia, taubat merupakan perkara yang wajib dilakukan bagi mengembalikan ketenangan dalam jiwa seseorang. Tiga syarat taubat perlu dipenuhi iaitu menyesal dengan kesalahan yang telah dilakukan, meninggalkan serta menjauhkan diri dari perbuatan tersebut dan yang seterusnya berazam untuk tidak melakukannya lagi. Contohnya ialah kes suami memukul isteri, dia perlu bertaubat bersungguh-sungguh agar tidak mengulangnya lagi dan melaksanakan tiga syarat berkenaan. Taubat pasti dapat mengubah perilaku yang buruk kepada baik, mengembalikan hubungan dan kasih sayang serta mencorakkan manusia menjadi hamba yang soleh.

Akhie sekali ialah elemen *muhasabah* yang bermaksud introspeksi diri dengan membuat imbasan kembali terhadap tindakan yang telah dilakukan serta menanam sifat-sifat terpuji dalam diri (Imam al-Ghazali, 1998). Elemen ini perlu ditekankan oleh pegawai runding cara kepada klien kerana dengan bermuhasabah, seseorang itu akan merenung dan menilai kembali kesilapan yang telah dilakukannya dalam rumah tangga sama ada sebagai suami isteri atau sebagai ibu bapa. Dengan bermuhasabah, kesilapan yang lalu tidak akan berulang lagi dan disusuli dengan kebaikan-kebaikan agar terbinanya *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam kehidupan.

Bagi menampakkan konsep hisbah selari dengan ajaran Islam, pengkaji menandatangani satu contoh pelaksanaan *hisbah* yang berbentuk *muhasabah* oleh Nabi Muhammad SAW yang telah berjaya mencegah kemungkaran berdasarkan hadis berikut (Ahmad Mubarak, 2000):

عن أبي أمامة رضي الله عنه قال: إن فتى شاباً أتى النبي صلى الله عليه وسلم فقال: يا رسول الله، ائذن لي بالزنا! فأقبل القوم عليه فزجروه، وقالوا: مه مه! فقال: ((ادنه))، فدنا منه قريباً، قال: فجلس، قال: ((أتحبه لأملك؟))، قال: لا والله، جعلني الله فداءك، قال: ((ولا الناس يحبونه لأمهاتهم))، قال: ((أفتحبه لابنتك؟))، قال: لا والله يا رسول الله، جعلني الله فداءك، قال: ((ولا الناس يحبونه لبناتهم))، قال: ((أفتحبه لأختك؟))، قال: لا والله، جعلني الله فداءك، قال: ((ولا الناس يحبونه لأخواتهم))، قال: ((أفتحبه لعمتك؟))، قال: لا والله، جعلني الله فداءك، قال: ((ولا الناس يحبونه لخالاتك))، قال: ((أفتحبه لخالتك؟))، قال: لا والله، جعلني الله فداءك، قال: ((ولا الناس يحبونه لخالاتهم))، قال: فوضع يده عليه، وقال: ((اللهم اغفر ذنبه، وطهر قلبه، وحصن فرجه))، فلم يكن بعد - ذلك الفتى - يلتفت إلى شيء.

Daripada Abu Umamah RA, dia berkata: Sesungguhnya seorang pemuda datang kepada Nabi SAW lalu berkata: Wahai Rasulullah, izinkan aku untuk berzina! Orang ramai kemudian mendekatinya lalu melarangnya, mereka berkata: Jangan, jangan! Rasulullah SAW bersabda: ((Mendekatlah)), dia mendekat, kata Baginda SAW: Duduklah. Katanya lagi: ((Adakah kamu menyukai berzina dengan ibumu?)) Pemuda itu menjawab: Tidak, demi Allah wahai Rasulullah, semoga Allah menjadikanku sebagai penebus tuan. Nabi SAW bersabda: ((Orang lain juga tidak menyukai kamu berzina dengan ibu-ibu mereka)), “Rasulullah SAW bersabda: ((Adakah kamu menyukai berzina dengan puterimu?)) Pemuda itu menjawab: Tidak, demi Allah wahai Rasulullah, semoga Allah menjadikanku sebagai penebus tuan. Nabi SAW bersabda: ((Orang lain juga tidak menyukai kamu berzina dengan puteri-puteri mereka)), Rasulullah SAW bersabda: ((Adakah kamu menyukai berzina dengan makcikmu dari sebelah ayah?)) Pemuda itu menjawab: Tidak, demi Allah wahai Rasulullah, semoga Allah menjadikanku sebagai penebus tuan. Nabi SAW bersabda: ((Orang lain juga tidak menyukai kamu berzina dengan makcik-makcik mereka)), Rasulullah SAW bersabda: ((Adakah kamu menyukai berzina dengan makcikmu dari pihak ibu?)) Pemuda itu menjawab: Tidak, demi Allah wahai Rasulullah, semoga Allah menjadikanku sebagai penebus tuan. Nabi SAW bersabda: ((Orang lain juga tidak menyukai kamu berzina dengan makcik-makcik mereka)). Kemudian Rasulullah SAW meletakkan tangan baginda pada pemuda itu dan berdoa: ((Ya Allah! Ampunilah dosanya, bersihkan hatinya, jagalah kemaluannya.)) Setelah itu pemuda itu tidak pernah melirik kepada apa pun.”

(Imam Ahmad, kitab *Baqi Musnad al-Anshar*, no. 21185)

Berdasarkan hadis ini, Nabi Muhammad SAW telah menggunakan konsep *muhasabah* untuk mencegah pemuda tersebut jatuh ke dalam lemah kemaksiatan. *Muhasabah* ialah proses menilai kebaikan dan keburukan dalam setiap aspek yang dilakukan. Menurut kisah ini, Nabi Muhammad SAW mengutarakan persoalan-persoalan yang membolehkan pemuda tersebut berfikir dengan rasional akan tindakan yang ingin dilakukannya. Baginda menarik pemuda tersebut untuk membayangkan dirinya berada di tempat orang lain sebagai contoh adakah dia suka sekiranya ada orang berzina dengan ibunya. Pemuda tersebut menjawab tidak. Di akhir cerita, Nabi Muhammad SAW telah meletakkan tangannya pada pemuda tersebut dan berdoa. Hasil daripada pendekatan *muhasabah* dan doa yang dipanjatkan oleh baginda, pemuda tersebut menjadi baik dan menjaga pandangan matanya agar tidak terjerumus ke dalam kancapenzinaan.

Justeru, berdasarkan keenam-enam elemen yang telah didatangkan oleh Imam al-Ghazali beserta contoh pelaksanaan *hisbah* oleh Nabi Muhammad SAW, sekiranya pegawai runding cara menerapkan nilai-nilai ini ke dalam diri klien semasa sesi runding cara dijalankan, setiap permasalahan yang mereka hadapi dapat diselesaikan dengan berhikmah berdasarkan ajaran Islam yang *syumul* kerana Islam telah memberikan panduan yang komprehensif kepada umatnya untuk menyantuni setiap ujian dengan solat dan sabar.

## KESIMPULAN

Berdasarkan apa yang telah dikemukakan tentang definisi *hisbah*, rukun dan elemen-elemen maka dapat disimpulkan bahawa konsep *hisbah* sangat penting untuk dipraktikkan oleh umat Islam bagi menyahut seruan menyuruh ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Tatacara dan kaedah bagi menyeru ke arah kebaikan telah digariskan di dalam enam elemen iaitu *musyaratah*, *muraqabah*, *muaqabah*, *mujahadah*, *muatabah* dan *muhasabah*. Contoh pendekatan yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW juga boleh dijadikan panduan untuk mengaplikasikan konsep ini dalam kehidupan seharian.

Sebagai sebuah konsep *amar ma'ruf nahi munkar*, terma *hisbah* berkait rapat dengan konsep dakwah. Dakwah bermaksud mengajak, menyeru, menyuruh ke arah kebaikan dan dalam pada masa yang sama menegah kemungkaran. Menurut Mohd Nazif Badruddin et al. (2017), mesej dakwah yang berkesan merupakan matlamat utama untuk menarik masyarakat terhadap apa yang ingin disampaikan. Strategi penyampaian yang betul hendaklah diterapkan bagi memastikan setiap apa yang ingin disampaikan menarik perhatian masyarakat. Justeru, elemen-elemen dalam *hisbah* merupakan sebagai sebuah rangka yang komprehensif dalam melaksanakan agenda dakwah.

Dengan itu, bagi mengaplikasikan konsep *hisbah* dalam runding cara perkahwinan, ia memerlukan seseorang yang bertanggungjawab untuk melaksanakannya iaitu pegawai runding cara. Menurut Mohd Radzuan Ibrahim (2006) matlamat utama sesi runding cara dilaksanakan ialah untuk mengenalpasti punca kekeruhan hubungan antara suami dan isteri dan cubaan untuk mendamaikan agar hubungan mereka kembali pulih seperti biasa. Pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan sesi ini hendaklah dari kalangan pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang ini.

Kesimpulannya, setelah menjalankan kajian dalam bentuk analisis dokumen, tiga objektif utama kajian ini telahpun terjawab. Isu-isu dalam perkahwinan yang berkait dengan perceraian telah dibincangkan. Definisi *hisbah* telah dirungkai dan pelaksanaan *hisbah* dalam runding cara perkahwinan pula dilihat sebagai satu elemen yang amat penting untuk dilaksanakan. Justeru, kajian ini memberi impak kepada peningkatan kualiti khidmat runding cara di pejabat agama daerah di negeri-negeri dalam Malaysia dan seterusnya diharapkan dapat mengurangkan kes perceraian.



**RUJUKAN**

- Abdul Karim Zaidan. (2011). *Nizām al-qadha'fi al-syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah Risalah Nashirun.
- Abdul Qahhar Ibrahim, Abdul Ghafar Hj. Don & Muhamad Faisal Asha'ari. (2017). Konsep *hisbah* dan pengurusan hal ehwal Islam mais dan Jais di Negeri Selangor Darul Ehsan. *Jurnal AL-ANWAR*, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT), 1(3), 51-66.
- Abdullah Muhammad Basmeih. (1980). *Tafsir pimpinan ar Rahman kepada pengertian al-Quran (30 juz)*. Putrajaya: Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri.
- Abe Sohpiam Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin Anwar & Fakhri Omar. (2014). Faktor penceraian di mahkamah syariah bahagian mukah, sarawak dari tahun 2000 hingga 2010. *Jurnal Islamiyyat*, 36(1), 5-20.
- Abu Ya'la Muhammad ibn al-Husayn al-Farra' al-Hanbali (1994). *Al-Ahkam al-sulthaniyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Ibn Hanbal (tt). *Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Mubarak. (2000). *al-Irsyad an-nafsy, konseling agama teori dan kasus*. Jakarta: PT. Bina Rena Pariwara.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad (1980). *Ihya' 'ulum al-din*. Beirut: Dar al-Rasyad al-Hadithah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad. (1998). *Ihya' 'ulum al-din*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Al-Mawardi. (1989). *al-Ahkam al-sultaniyah wa al-wilayat wa al-diniyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- AW. Munawir. (1984). *Kamus al-munawwir Arab Indonesia terlengkap*. Yogyakarta: al-Munawwir.
- Azrin Ibrahim. (2015) Kepentingan *hisbah* dan amalannya di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 11(Edisi Khas), 26-39.
- Bukhari, Abu Abdillah Muhammad ibn Ismail. (1981). *Al-Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Bassam, Muhammad ibn Muhammad al-Muhtasib. (1968). *Nihāyah al-rutbah fi talab al-hisbah*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Mariam Abd. Majid & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin. (2017). *Trend dan faktor perceraian rumah tangga di Negeri Selangor dari tahun 2011 hingga 2015*. 3rd International Seminar on Islamiyyat Studies. Kuala Lumpur.
- Mohd Ab Malek Md Shah, Mohd Harun Shahudin, Sulaiman Mahzan and Siti Fairuz Nurr Sadikan. (2017). The institution of *hisbah*: A whither. 5th South East Asia International Islamic Philanthropy Conference 2017 (5th SEAIIPC2017), 11-20.
- Mohd Nazif Badruddin, Mohd Baharudin Othman dan Nor Hayati Mohd Jalil. (2017). Analisis strategi penyampaian mesej dakwah Islamiah dalam halaman facebook. *Al-'Abqari Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 12, 93-105.
- Mohd Radzuan Ibrahim. (2006). *Munakahat undang-undang dan prosedur*. Kuala Lumpur: DRI Publishing House.
- Muhammad Fuad Abd al-Baqi. (1987). *Al-Mu'jam al-mufahras fi alfaz al-Quran*. Kairo: Dar al-Hadis.
- Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria dan Kamaruddin Salleh. (2016). Cabaran Institusi *hisbah* dalam dunia kontemporari serta usaha-usaha bagi memperkasakannya. *Jurnal Ilmi*. 6, 55-68.
- Mustapha Sidi Attahiru1, Al-Hasan Al-Aidaros dan Syarifah Binti Md Yusof. (2016). Moderating Role of *Hisbah* Institution on the Relationship of Religiosity and Islamic Culture to Islamic Work Ethics in Nigeria. (2016). *International Review of Management and Marketing*, 6, 125-132.
- Norhayati Ahmad, Norhudayati Hj. Mansor, Roslee Ahmad, Sulaiman Shakib Mohd. Noor. (2008). *Seminar Kaunseling Keluarga*. Peranan, proses kerja & tanggungjawab

- kaunselor di jabatan agama Islam dalam menangani masalah kekeluargaan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Nur Dalilah Zakaria, Raihanah Azahari. (2013). The relationship between the implementation of solat with domestic conflict: A study at the family consultation unit, the marriage and family development division of the federal territory of Islamic affairs department (JAWI). *Jurnal Syariah*, 21(2), 393-422.
- Raihanah Hj. Abdullah. (2001). *Wanita, perceraian dan mahkamah syariah dalam wanita dan perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Imiah Publisier.
- Randall Chirng, Haslee Sharil Lim Abdullah, Zainal Madon dan Lau Poh Li. (2016). Counselling the stressed for psychological wellbeing. *Al-'Abqari Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 8, 45-61.
- Rohaniza Idris, Haryani Ngah & Hazwan Faisal Mohamad. *171,252 pasangan Islam bercerai dari 2014 hingga 10 Julai lalu*. Diperoleh pada 14 November 2016 daripada <https://www.bharian.com.my/node/212681>.
- Roslelawati Abdullah dan Nordin Hussin. (2014). Perkahwinan dan perceraian masyarakat Melayu Terengganu 1950an–1970an. *Kajian Malaysia*. 31(1), 81-117.
- Sabariah Baharum. (1989). *Masalah perceraian di kalangan masyarakat Islam di Sabah: Satu kajian di daerah Tawau*. t.tp: t.pt.
- Taofeeq Hamzat Adebisi, Adebayo Rafiu Adesiji, Rafiu Wasu Kehinde, Oshin Oluwole, Bamidele dan Siti Suriani Othman. (2014). Communication elements in the Suratul Yusuf. *Al-'Abqari Journal of Islamic Social Sciences and Humanitie*, 4, 51-68.
- Zaidah Kusumawati. (2016). Peran hisbah dalam mekanisme pasar Islami. *Islamic Economics Journal*, 1(2), 245-259.
- Zainab Ismail, W.A. Wan-Ibrahim dan H.A.R. Asyraf. (2014). Counseling services in Muslim communal life in Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 20(11), 1445-1448.
- Zainab Ismail. (2006). Institusi perkhidmatan kemanusiaan dan pembangunan keluarga di unit perunding dan pembangunan keluarga jabatan agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 9, 109-129.
- Zulkarnain Yusoff, Wan Fauzi Wan Mamat dan Mohd Noor Awang Kechik. (2006). *Profil perceraian pasangan Islam di Kelantan bagi tahun 2000 hingga 2004*. Institut Penyelidikan & Pengkomersialan, Universiti Teknologi Mara.